

# Ku Li minta jawatan naib presiden

KOTA BHARU: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyetujui semalam bahawa beliau yang mencadangkan kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno supaya memilih Tengku Razaleigh Hamzah sebagai Naib Presiden Umno pada 1972.

"Tengku Razaleigh sendiri yang meminta saya supaya mencadangkan namanya bagi jawatan itu.

"Sepatutnya sayalah yang lebih berhak menjadi naib presiden pada masa itu kerana mengikut peraturan, orang yang mendapat undi terbanyak bagi jawatan MT, dianggap paling layak memegang jawatan itu," katanya.

Menurutnya, dalam pemilihan parti sebelum itu, beliau mendapat undi terbanyak bagi jawatan MT.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri oleh kerana Tengku Razaleigh mahukan jawatan itu, beliau rela mencadangkan kepada MT supaya memilih Tengku Razaleigh.

"Perdana Menteri berkata, pada masa itu Timbalan Presiden, Tun Dr Ismail Abdul Rahman meninggal dunia dan jawatan itu dipangku oleh Alayharham Tun Hussein Onn.

"Sebenarnya tidak ada kekosongan jawatan naib presiden ketika itu kerana Tun Hussein yang menjadi naib presiden hanya memangku jawatan

timbangan presiden," katanya.

Beliau menyatakan demikian di majlis perjumpaan khas dengan ahli Umno veteran negeri Kelantan di sebuah hotel di sini.

"Sebaliknya apabila saya bertanding naib presiden, Tengku Razaleigh meminta orang Kelantan supaya jangan mengundi Dr Mahathir.

"Ini tidak patut kerana beliau enggan memberi kerjasama," katanya.

Menurutnya, kekalahan Tengku Razaleigh dalam pemilihan pucuk pimpinan Umno dalam perhimpunan parti pada 1987, adalah punca perpecahan masyarakat Melayu sekarang.